LAPORAN INTERIM 2013

AMANAH HARTANAH BUMIPUTERA

LAPORAN INTERIM 2013

Bagi tempoh kewangan dari 1 Oktober 2012 hingga 31 Mac 2013

Kandungan	Muka surat
Maklumat Dana	1 - 2
Prestasi Dana	2 - 3
Laporan Pengurus	3 - 6
Penyataan Pemegang Amanah	7
Penyataan Pengurus	8
Penyataan Jawatankuasa Syariah	9
Laporan Juruaudit Bebas kepada Pemegang Unit	10 - 12
Penyata Pendapatan Komprehensif	13
Penyata Posisi Kewangan	14
Penyata Perubahan dalam Ekuiti	15
Penyata Aliran Tunai	16
Nota-Nota kepada Penyata Kewangan	17 - 38

AMANAH HARTANAH BUMIPUTERA

Para pemegang-pemegang unit AHB yang dihormati,

AmanahRaya Trustees Berhad ("ART") selaku Pemegang Amanah dan Maybank Asset Management Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai Mayban Investment Management Sdn Bhd) ("Maybank Am") selaku Pengurus AHB, dengan sukacitanya membentangkan Laporan Interim AHB bagi tempoh kewangan dari 1 Oktober 2012 hingga 31 Mac 2013.

MAKLUMAT DANA

1. **Nama Dana**
   Amanah Hartanah Bumiputera ("AHB") atau "Dana".

2. **Jenis Dana**
   Pendapatan

3. **Kategori Dana**
   Aset-aset sokongan hartanah

4. **Tempoh Dana**
   Tempoh Dana adalah tidak terhad, tertakluk kepada terma-terma Surat Ikatan dan Dokumen-dokumen Urus Niaga.

5. **Harga Seunit**
   Harga Seunit telah ditetapkan pada RM1.00

6. **Objektif dan Dasar Pelaburan Dana**
   Objektif Dana ini adalah untuk menyediakan pemegang unit dengan aliran pendapatan tetap dan konsisten sambil mempertahankan modal pelaburan pemegang unit.

   Dana ini berusaha untuk mencapai objektif pelaburannya menerusi pelaburan yang terutamanya dalam pemilikan benefisial hartanah Malaysia daripada Pelaburan Hartanah Berhad ("Penaja"), khususnya hartanah komersial termasuk tetapi tidak terhad kepada bangunan pejabat, kompleks membeli-belah, pusat-pusat komersial, kompleks logistik dan perindustrian. Dana juga melabur dalam instrumen pasaran wang yang mematuhi kehendak Syariah dan instrumen setara serta memegang wang tunai untuk memenuhi keperluan mudah tunainya.

7. **Dasar Pengagihan Dana**
   Pengagihan boleh dibuat daripada pendapatan Dana, sekiranya ada, atas pilihan Pengurus atas dasar dua kali setahun atau pada masa-masa lain sebagaimana mungkin ditentukan oleh Pengurus mengikut budi-bicara mutlaknya, tertakluk kepada kelulusan daripada Pemegang Amanah. Pemegang unit dikehendaki untuk membuka akaun bank atau menyediakan nombor akaun bank dalam borang permohonan apabila mereka pertama kali melabur dalam Dana.

MAKLUMAT DANA (SAMB.)

8. Tanda Aras Prestasi

Akaun-i Pelaburan Am selama 12-bulan Maybank Islamic Berhad

9. Pegangan Unit

Pada 31 Mac 2013, seramai 53,678 individu dan badan korporat telah menyertai AHB. Pecahan pegangan unit adalah seperti berikut:

Pecahan Pegangan Unit	Jumlah	
	Bilangan Pemegang Unit	Bilangan Unit Dilanggan
5,000 dan ke-bawah	43,531	49,903,600
5,001 ke 10,000	3,138	27,976,921
10,001 ke 50,000	3,626	96,764,138
50,001 ke 500,000	3,378	661,047,669
500,001 dan ke-atas	5	464,307,672
Jumlah	53,678	1,300,000,000

PRESTASI DANA

Prestasi Dana bagi tempoh kewangan enam bulan berakhir 31 Mac 2013 adalah seperti berikut:

	Tahun/Tempoh Kewangan Berakhir		
	Berakhir 30 September 2011	Berakhir 30 September 2012	Dari 1 Oktober 2012 hingga 31 Mac 2013
Unit Dalam Edaran	1,000,000,000	1,000,000,000	1,300,000,000
Tanda Aras Prestasi(1)	2.52	3.19	1.52
Jumlah Pulangan(2)	5.42	6.50	3.25
Agihan kasar seunit	5.42	6.50	3.25
Agihan bersih seunit	5.42	6.50	3.25
Nisbah perbelanjaan pengurusan(3)	0.91	1.10	0.56

Nota:

(1) Akaun-i Pelaburan Am Maybank Islamic Bhd selama 12 bulan.
(2) Jumlah pulangan adalah pulangan semenjak 1 Oktober 2012 hingga 31 Mac 2013 dan dikira berdasarkan pulangan pendapatan Dana setelah ditolak semua yuran.
(3) Nisbah Belanja Pengurusan dikira berdasarkan jumlah yuran dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Dana dibahagi dengan saiz purata Dana yang dikira secara harian.

Nota: Prestasi lampau tidak semestinya menunjukkan prestasi masa depan Dana.

PRESTASI DANA (SAMB.)

Peruntukan Aset

Pada 31 Mac 2013, 79.48% Dana telah dilaburkan di dalam pemilikan benefisial Aset-aset Hartanah manakala 20.52% lagi dalam bentuk wang tunai dan deposit dengan institusi kewangan dibawah prinsip Shariah.

Peruntukan Aset pada 31 Mac 2013:-

Aset	RM	%
Aset disokong hartanah	1,036,000,000	79.48
Deposit dengan institusi kewangan dan aset lain-lain (bersih)	267,451,105	20.52
	1,303,451,105	100.00

Aset	Kos sebagai jumlah kos Dana %	Nilai buku sebagai peratusan nilai buku Dana %
Aset Disokong Hartanah		
- Menara Prisma	19.95	19.95
- CP Tower	13.43	13.43
- Logistic Warehouse	7.29	7.29
- Tesco Setia Alam	7.29	7.29
- Wisma Consplant	13.43	13.43
- Peremba Square Properties	11.43	11.43
- DEMC Specialist Hospital	6.67	6.67
Deposit dengan institusi kewangan dan aset lain-lain (bersih)	20.52	20.52

LAPORAN PENGURUS

AHB berusaha untuk menyediakan pemegang-pemegang unit dengan aliran pendapatan tetap dan konsisten manakala mengekalkan modal pelaburan Pemegang-pemegang Unit. Dana telah berupaya mencapai objektif pelaburannya dalam menawarkan pulangan yang kompetitif bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Mac 2013.

Bagi tempoh kewangan yang berakhir 31 Mac 2013, AHB telah merekodkan pulangan sebanyak 3.25%, dan mengatasi pulangan Ukur Rujuk Prestasi pada 1.52% sebanyak 1.73%.

Gambaran Keseluruhan Pasaran

Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.6% bagi tahun 2012, didukung oleh permintaan domestik yang didorong oleh perbelanjaan sektor awam

LAPORAN PENGURUS (SAMB.)

Gambaran Keseluruhan Pasaran (Samb.)

dan swasta yang telah membantu dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara walaupun menghadapi perkembangan luar negeri yang mencabar. Inflasi jatuh kepada kadar 1.3% pada tahun 2012, berbanding setahun yang lalu berikutan keredaan di dalam harga pasaran bagi sektor pengangkutan dan makanan.

Bagi tahun 2013, Kerajaan Persekutuan telah mengunjurkan pengembangan sebanyak 5% - 6% di dalam ekonomi Negara, setelah melaporkan pertumbuhan sebanyak 5.6% pada tahun 2012. Merujuk ke pasaran antarabangsa, kebimbangan masih wujud terhadap masalah hutang kerajaan negara-negara Eropah dan kedudukan fiskal Amerika Syarikat yang lemah. Walau bagaimanupun, ekonomi negara-negara Asia telah mengalihkan perhatian mereka ke arah usaha-usaha menaikkan dagangan antara rantau dan permintaan dalam negeri bagi mengurangkan kesan-kesan penurunan permintaan dari pasaran antarabangsa. Ekonomi Malaysia dijangka mampu mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang sihat melalui pelaksanaan Pelan Transformasi Ekonomi (ETP) dan Rancangan Malaysia ke-10 (RMK10). Bank Negara Malaysia dijangka akan mengekalkan dasar monetari yang akan menggalakkan pertumbuhan ekonomi di waktu ketidak tentuan antarabangsa semasa.

Pasaran Pejabat Komersial

Penawaran ruang pejabat terbina di bandaraya Kuala Lumpur meningkat kepada 48.3 juta kaki persegi pada separuh tahun kedua 2012 berikutan siap terbinanya Menara Binjai (330,000 kps), Menara Darussalam (185,874 kps), Integra Tower @ Intermark (760,000 kps). Pada masa yang sama, bekalan kumulatif ruang pejabat di luar bandar Kuala Lumpur berjumlah 17.5 juta kaki persegi.

Terdapat 4.1 juta kaki persegi ruang pejabat baru dijadualkan siap pembinaan pada tahun 2013 dan dijangkakan jumlah penawaran kumulatif ruang pejabat di bandaraya Kuala Lumpur akan meningkat kepada 52.4 juta kaki persegi dengan ruang pejabat baru tersebut.

Kadar penghunian keseluruhan ruang pejabat di bandaraya Kuala Lumpur berada pada paras 79.3% bagi separuh tahun kedua 2012 manakala luar bandar Kuala Lumpur mencatatkan kadar 86.3%. Kadar penghunian tersebut dicatat meskipun dengan kemasukan ruang pejabat baru di dalam pasaran ruang pejabat Kuala Lumpur.

Purata sewa kasar semasa di bandaraya Kuala Lumpur dan luar bandar Kuala Lumpur kekal stabil di dalam separuh tahun kedua 2012 pada kadar

LAPORAN PENGURUS (SAMB.)

Pasaran Pejabat Komersial (Samb.)

RM5.81 sekaki persegi dan RM5.30 sekaki persegi masing-masing. Manakala, kadar sewa bulanan bagi ruang pejabat gred A terpilih berada pada kadar yang lebih tinggi di antara RM6.50 sekaki persegi sehingga pada kadar yang lebih tinggi di antara RM6.50 sekaki persegi sehingga RM11.50 sekaki persegi bagi separuh tahun kedua 2012 berbanding separuh tahun pertama 2012. Berikut adalah kadar sewa kasar semasa dibeberapa pejabat Gred A di bandaraya Kuala Lumpur:

Sewa Kasar Semasa Pejabat Gred A Terpilih			
Bangunan	**Sewa Kasar Semasa (RM skps/bulan)**	**Bangunan**	**Sewa Kasar Semasa (RM skps/bulan)**
Menara Maxis	10.50	Menara Felda	9.00
Menara Darusalam	8.50	Menara Citibank	6.50
Vista Tower	9.00	Kenanga International	7.00
G Tower	8.50	Quill 7	7.50
Menara Standard Chartered	6.50	The Icon	6.20

Sumber: Knight Frank Research

Ramalan Pasaran Pejabat Komersial

Pasaran ruang pejabat yang memihak kepada penyewa dijangkakan akan kekal dalam jangka masa sederhana manakala paras sewa dijangkakan kekal mendatar atau sedikit penurunan disebabkan bertambahnya penawaran ruang pejabat di masa hadapan. Walau bagaimanapun, kesan negatif disebabkan peningkatan penawaran ruang pejabat mampu dikurangkan dengan inisiatif Kerajaan dalam menarik minat syarikat multinasional untuk menempatkan ibu pejabat antarabangsa/serantau mereka di Lembah Klang.

Gambaran Pasaran Wang Syariah

Kadar pulangan jangka pendek kekal pada kadar 3.00% bagi tempoh pelaburan sebulan dan 3.15% bagi tempoh pelaburan setahun di dalam pasaran kewangan Syariah di antara bulan Oktober 2012 dan Mac 2013. Kedua-dua kadar tersebut adalah berikutan Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang kekal pada 3.00% pada tempoh yang sama. OPR kekal tidak berubah pada kadar 3.00% sejak Mei 2012 di waktu Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank Negara menaikkan OPR sebanyak 25 mata asas.

LAPORAN PENGURUS (SAMB.)

Gambaran Keseluruhan Ekonomi

Bank-bank pusat negara Asia terus mengatur polisi monetari masing-masing ke arah polisi yang menyokong pertumbuhan ekonomi domestik di kala ketidakseimbangan pasaran kewangan antarabangsa yang berpunca dari ekonomi negara-negara maju. MPC Bank Negara memutuskan untuk mengekalkan OPR pada 3.00% di mesyuaratnya pada bulan Mac 2013. Antara sebab yang diberikan ialah keadaan ekonomi dan kewangan global yang kelihatan semakin pulih, pengenalan langkah-langkah menangani krisis hutang kerajaan Eropah, tanda-tanda pemulihan di dalam ekonomi Amerika Syarikat dan risiko pertumbuhan ekonomi yang lembab. Berikutan tekanan inflasi yang lebih lemah, Indeks Harga Pengguna ("CPI") jatuh ke paras 1.5% pada Disember 2012 berbanding setahun yang lalu. Oleh yang demikian, kami meramalkan OPR akan dikekalkan pada paras semasa buat tempoh sederhana ini berikutan masalah kewangan antarabangsa semasa dan keredaan tekanan inflasi.

Strategi Pelaburan

Dana akan berusaha membuat pelaburan tambahan dalam pemilikan benefisial aset harta tanah daripada Penaja melalui pengaturan jualan dan pajakan semula sebagaimana yang ditakrifkan di dalam prospektus. Dalam menilai pelaburan selanjutnya di dalam pemilikan benefisial hartanah daripada Penaja, Dana akan memberi tumpuan utama kepada pelaburan dalam pemilikan benefisial harta tanah yang menyediakan hartanah yang menghasilkan pendapatan yang stabil dan meningkatkan hasil, serta hartanah yang nilainya boleh ditingkatkan melalui pelbagai inisiatif penambahan aset.

Dasar tentang komisen ringan

Pengurus atau mana-mana pihak yang diwakilkan hendaklah tidak menyimpan apa-apa rebat dari, atau berkongsi selainnya apa-apa komisen dengan, mana-mana broker / wakil jual dalam pertimbangan untuk urusan terus dalam pelaburan-pelaburan Dana. Selaras dengan itu juga, mana-mana rebat atau komisen bersama harus dimasukkan terus ke dalam akaun Dana yang berkenaan.

Bagaimanapun, Pengurus atau mana-mana yang diwakilkan bermula dari sini boleh dan berhasrat untuk menyimpan barangan dan perkhidmatan (komisen ringan) dari mana-mana broker / wakil jual, hanya sekiranya barangan dan perkhidmatan tersebut boleh dinampakkan manfaatnya kepada pemegang-pemegang unit seperti bahan kaji-selidik dan perisian komputer yang ditambah kepada kegiatan- kegiatan pengurusan pelaburan oleh pihak Dana.

PENYATAAN PEMEGANG AMANAH

Bagi Tempoh Kewangan Enam Bulan Berakhir 31 Mac 2013

Kepada Pemegang-Pemegang Unit
AMANAH HARTANAH BUMIPUTERA

Kami, AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD telah bertindak selaku Pemegang Amanah kepada AMANAH HARTANAH BUMIPUTERA bagi tempoh kewangan enam bulan berakhir 31 Mac 2013. Pada pendapat kami, MAYBANK ASSET MANAGEMENT SDN BHD, selaku Pengurus, telah mengurus AMANAH HARTANAH BUMIPUTERA selaras dengan had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada Pengurus dan Pemegang Amanah mengikut Suratikatan, lain-lain peruntukan Suratikatan, Garispanduan Tabung Unit Amanah yang diterimapakai, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan undang-undang lain yang berkuatkuasa dengan mengambil kira segala pengecualian yang telah diberikan kepada AMANAH HARTANAH BUMIPUTERA bagi tempoh kewangan enam bulan berakhir 31 Mac 2013.

Kami juga berpendapat bahawa:

(a) prosedur dan proses yang digunakan oleh Pengurus untuk menilai dan/atau menentukan harga unit AMANAH HARTANAH BUMIPUTERA adalah mencukupi dan penilaian/penentuan harga adalah dibuat selaras dengan Suratikatan dan mana-mana kehendak kawalseliaan;

(b) penjadian dan pembatalan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Suratikatan, Garispanduan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan; dan

(c) pengagihan kepada pemegang-pemegang unit AMANAH HARTANAH BUMIPUTERA sepertimana yang diisytiharkan oleh Pengurus adalah selaras dengan objektif pelaburan AMANAH HARTANAH BUMIPUTERA.

Yang benar
AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD

HABSAH BINTI BAKAR
Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia
17 Mei 2013

PENYATAAN PENGURUS

Kami, Datuk Mohaiyani Shamsudin dan Nor' Azamin Bin Salleh, yang merupakan dua daripada pengarah Maybank Asset Management Sdn. Bhd. (dahulunya dikenali sebagai Mayban Investment Management Sdn. Bhd.), dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Pengurus, penyata kewangan iringan yang dibentangkan pada muka surat 13 hingga 38 telah disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 134: Laporan Kewangan Interim dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai posisi kewangan Amanah Hartanah Bumiputera ("Dana") pada 31 Mac 2013 dan mengenai prestasi kewangan, perubahan dalam ekuiti dan aliran tunainya bagi tempoh kewangan dari 1 Oktober 2012 hingga 31 Mac 2013.

Untuk dan bagi pihak Pengurus

Datuk Mohaiyani Shamsudin

Nor' Azamin Bin Salleh

Kuala Lumpur, Malaysia
13 Mei 2013

PENYATAAN JAWATANKUASA SYARIAH

Kepada pemegang unit
AMANAH HARTANAH BUMIPUTERA

Kami telah bertindak sebagai Jawatankuasa Syariah Amanah Hartanah Bumiputera ("Dana"). Tanggungjawab kami adalah untuk memastikan bahawa prosedur dan proses yang digunakan oleh Maybank Asset Management Sdn. Bhd. (dahulunya dikenali sebagai Mayban Investment Management Sdn. Bhd.) ("Pengurus") dan bahawa peruntukan Suratikatan bertarikh 20 Oktober 2010, Suratikatan Tambahan pertama bertarikh 5 Januari 2011 dan Suratikatan Tambahan kedua bertarikh 13 Julai 2012 adalah selaras dengan prinsip Syariah.

Pada pendapat kami, Pengurus telah menguruskan dan mentadbir Dana ini menurut prinsip Syariah dan mematuhi garis panduan, perintah atau keputusan berkenaan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti tentang hal-hal berkaitan Syariah.

Untuk dan bagi pihak ahli Jawatankuasa Syariah Dana Amanah Hartanah Bumiputera.

Dr Aznan bin Hasan
Pengerusi Jawatankuasa

Dr. Mohammad Deen bin Mohd Napiah
Ahli Jawatankuasa

Dr. Ismail bin Mohd @ Abu Hassan
Ahli Jawatankuasa

Kuala Lumpur, Malaysia
13 Mei 2013

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG UNIT

Laporan tentang penyata kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan Amanah Hartanah Bumiputera ("Dana") yang merangkumi penyata posisi kewangan pada 31 Mac 2013 dan penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai bagi tempoh kewangan dari 1 Oktober 2012 hingga 31 Mac 2013, serta ringkasan dasar perakaunan signifikan dan nota-nota keterangan lain, sebagaimana yang dibentangkan pada muka surat 13 hingga 38.

Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah ke atas penyata kewangan

Pengurus Dana bertanggungjawab untuk menyediakan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 134 : Laporan Kewangan Interim dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa 34 : Laporan Kewangan Interim. Pengurus Dana juga bertanggungjawab di atas kawalan dalaman yang perlu sebagaimana yang ditentukan oleh Pengurus untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Pemegang Amanah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Pengurus menyimpan rekod perakaunan dan rekod-rekod lain dengan sewajarnya sebagaimana yang diperlukan bagi membolehkan pembentangan saksama penyata kewangan ini.

Tanggungjawab juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat tentang penyata kewangan ini berdasarkan audit kami. Kami melaksanakan audit kami selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut mewajibkan kami mematuhi tuntutan etika dan merancang serta melaksanakan audit untuk memperoleh jaminan munasabah sama ada penyata kewangan ini adalah bebas daripada salah nyata yang ketara.

Audit melibatkan pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung pada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko salah nyata penyata kewangan yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, kami mempertimbangkan kawalan dalaman yang berkaitan dengan penyediaan penyata kewangan Dana yang memberi gambaran yang benar dan saksama untuk merangka prosedur audit yang sesuai dalam keadaan tersebut, tetapi bukan untuk tujuan menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Dana. Audit juga merangkumi penilaian tentang kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG UNIT (SAMB.)

Tanggungjawab juruaudit (Samb.)

kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh Pengurus, serta menilai pembentangan keseluruhan penyata kewangan ini.

Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas bagi pendapat audit kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini telah disediakan dengan sewajarnya selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 134 : Laporan Kewangan Interim dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa 34 : Laporan Kewangan Interim untuk memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Dana pada 31 Mac 2013 dan mengenai prestasi kewangan, perubahan dalam ekuiti dan aliran tunai Dana ini bagi tempoh kewangan dari 1 Oktober 2012 hingga 31 Mac 2013.

Hal-hal Lain

Sebagaimana dinyatakan dalan Nota 2.1 kepada penyata kewangan, Dana telah mengguna pakai Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia bermula 1 Oktober 2012 dengan tarikh peralihan pada 1 Oktober 2011. Piawaian-piawaian ini telah diguna pakai secara retrospektif oleh Pengurus Dana ke atas angka-angka perbandingan di dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan setakat 30 September 2012 dan 1 Oktober 2011, dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai bagi tempoh kewangan berakhir 31 Mac 2012 dan penerangan yang berkaitan. Kami tidak dilantik untuk melaporkan maklumat-maklumat tentang angka perbandingan yang dinyatakan semula dan perbandingan tersebut tidak diaudit. Tanggungjawab kami, sebagai sebahagian daripada audit untuk tempoh kewangan dari 1 Oktober 2012 hingga 31 Mac 2013 di dalam situasi sebegini, termasuk memperoleh bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian bahawa baki awal pada 1 Oktober 2012 tidak mengandungi salah nyata yang ketara yang boleh menjejaskan kedudukan kewangan Dana pada 31 Mac 2013, dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tempoh kewangan berakhir pada hari tersebut.

Laporan ini disediakan hanya kepada pemegang unit Dana, sebagai satu badan, dan bukannya bagi tujuan lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain atas kandungan laporan ini.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG UNIT (SAMB.)

Hal-hal Lain (Samb.)

Ernst & Young
AF: 0039
Akauntan Berkanun

Brandon Bruce Sta Maria
No. 2937/09/13(J)
Akauntan Berkanun

Kuala Lumpur, Malaysia
13 Mei 2013

Ini adalah terjemahan Bahasa Malaysia untuk penyata kewangan Amanah Hartanah Bumiputera yang telah diaudit, yang pada asalnya telah disediakan dalam Bahasa Inggeris. Terjemahan ini telah dibuat untuk membolehkan Pemegang Unit Dana yang fasih dalam Bahasa Malaysia untuk memahami sepenuhnya penyata kewangan berkenaan. Para pembaca dinasihatkan supaya merujuk kepada versi Bahasa Inggeris untuk penyata kewangan dan pendapat juruaudit yang telah disahkan.

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 1 OKTOBER 2012 HINGGA 31 MAC 2013

	Nota	1.10.2012 hingga 31.03.2013 RM	1.10.2011 hingga 31.03.2012 RM
PENDAPATAN			
Pendapatan daripada deposit		3,923,771	3,692,262
Keuntungan atas aset pajakan		43,930,690	34,514,000
		47,854,461	38,206,262
PERBELANJAAN			
Yuran Pengurus	3	6,192,594	5,053,840
Yuran Pemegang Amanah	4	309,630	252,692
Imbuhan Juruaudit		6,500	5,500
Yuran agen percukaian		5,300	-
Perbelanjaan pentadbiran		406,812	804,681
		6,920,836	6,116,713
Pendapatan bersih sebelum cukai dan zakat		40,933,625	32,089,549
Perbelanjaan cukai pendapatan	5	-	-
Perbelanjaan zakat		915,339	-
Pendapatan bersih selepas cukai dan zakat mewakili jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh		40,018,286	32,089,549
Pendapatan bersih selepas cukai dan zakat terdiri daripada yang berikut:			
Pendapatan ternyata		40,018,286	32,089,549
Pengagihan bagi tempoh:			
Agihan bersih	9	37,243,927	31,676,416
Agihan bersih seunit (sen)	9	3.25	3.25
Agihan kasar seunit (sen)	9	3.25	3.25

Nota-nota iringan ini merupakan bahagian penting penyata kewangan.

PENYATA POSISI KEWANGAN
PADA 31 MAC 2013

	Nota	31.03.2013 RM	30.09.2012 RM	1.10.2011 RM
ASET				
Aset disokong hartanah	6	1,036,000,000	800,000,000	800,000,000
Deposit dengan institusi kewangan	7	306,288,692	233,269,599	232,490,126
Keuntungan belum terima		616,144	1,805,123	886,629
Tunai di bank		3,707	9,361	8,961
JUMLAH ASET		1,342,908,543	1,035,084,083	1,033,385,716
LIABILITI				
Jumlah terhutang kepada Pengurus		1,123,902	834,762	838,525
Jumlah terhutang kepada Pemegang Amanah		56,195	36,550	41,926
Agihan perlu dibayar		37,243,927	31,891,979	31,724,382
Zakat perlu dibayar		1,023,314	1,631,046	-
Pelbagai pemiutang		10,100	13,000	146,565
JUMLAH LIABILITI		39,457,438	34,407,337	32,751,398
EKUITI				
Modal Pemegang Unit		1,300,000,000	1,000,000,000	1,000,000,000
Pendapatan belum diagihkan		3,451,105	676,746	634,318
JUMLAH EKUITI / NILAI ASET BERSIH	8	1,303,451,105	1,000,676,746	1,000,634,318
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		1,342,908,543	1,035,084,083	1,033,385,716
UNIT DALAM EDARAN	8(a)	1,300,000,000	1,000,000,000	1,000,000,000

Nota-nota iringan ini merupakan bahagian penting penyata kewangan.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 1 OKTOBER 2012 HINGGA 31 MAC 2013

	Modal Pemegang Unit Nota 8(a) RM	Pendapatan Belum Diagihkan RM	Jumlah Ekuiti RM
Pada 1 Oktober 2011	1,000,000,000	634,318	1,000,634,318
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh semasa	-	32,089,549	32,089,549
Pewujudan unit	127,431,141	-	127,431,141
Pembatalan unit	(127,431,141)	-	(127,431,141)
Pengagihan (Nota 9)	-	(31,676,416)	(31,676,416)
Baki pada 31 Mac 2012	1,000,000,000	1,047,451	1,001,047,451
Pada 1 Oktober 2012	1,000,000,000	676,746	1,000,676,746
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh semasa	-	40,018,286	40,018,286
Pewujudan unit	959,712,333	-	959,712,333
Pembatalan unit	(659,712,333)	-	(659,712,333)
Pengagihan (Nota 9)	-	(37,243,927)	(37,243,927)
Baki pada 31 Mac 2013	1,300,000,000	3,451,105	1,303,451,105

Nota-nota iringan ini merupakan bahagian penting penyata kewangan.

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 1 OKTOBER 2012 HINGGA 31 MAC 2013

	1.10.2012 hingga 31.03.2013 RM	1.10.2011 hingga 31.03.2012 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PENGENDALIAN DAN PELABURAN		
Belian aset pajakan	(236,000,000)	-
Keuntungan diterima	49,043,440	37,946,823
Yuran Pengurus dibayar	(5,903,454)	(5,030,583)
Yuran Pemegang Amanah dibayar	(289,985)	(251,529)
Bayaran yuran dan perbelanjaan lain	(421,512)	(125,502)
Tunai bersih (digunakan)/dijana dalam aktiviti pengendalian dan pelaburan	(193,571,511)	32,539,209
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Tunai diterima daripada unit diwujudkan	959,712,333	127,431,141
Tunai dibayar bagi unit dibatalkan	(659,712,333)	(127,431,141)
Pembayaran zakat	(1,523,071)	-
Pengagihan kepada pemegang unit	(31,891,979)	(31,724,382)
Tunai bersih dijana/(digunakan) daripada aktiviti pembiayaan	266,584,950	(31,724,382)
PENAMBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI	73,013,439	814,827
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA PERMULAAN TEMPOH	233,278,960	232,499,087
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AKHIR TEMPOH	306,292,399	233,313,914
Tunai dan setara tunai terdiri daripada:		
Tunai di bank	3,707	4,139
Deposit dengan institusi kewangan (Nota 7)	306,288,692	233,309,775
	306,292,399	233,313,914

Nota-nota iringan ini merupakan bahagian penting penyata kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 1 OKTOBER 2012 HINGGA 31 MAC 2013

1. DANA, PENGURUS DAN AKTIVITI UTAMA

Amanah Hartanah Bumiputera ("Dana") ditubuhkan berikutan pelaksanaan Suratikatan bertarikh 20 Oktober 2010, 5 Januari 2011(tambahan pertama) dan 13 Julai 2012 (tambahan kedua) antara Pengurus, Maybank Asset Management Sdn. Bhd. (dahulunya dikenali sebagai Mayban Investment Management Sdn. Bhd.) ("Maybank AM"), Pemegang Amanah, AmanahRaya Trustees Berhad ("ART") dan Penaja, Pelaburan Hartanah Berhad ("PHB").

Dana akan berusaha mencapai objektif pelaburannya melalui pelaburan terutamanya dalam pemilikan benefisial hartanah di Malaysia daripada Penaja, Pelaburan Hartanah Berhad khususnya dalam hartanah komersial termasuk tetapi tidak terhad kepada bangunan pejabat, kompleks membeli-belah, pusat komersial, logistik dan kompleks perindustrian. Dana akan turut melabur dalam instrumen pasaran wang patuh Syariah dan instrumen setara serta memegang wang tunai bagi memenuhi keperluan mudah tunainya. Dana memulakan operasinya pada 24 November 2010 dan akan meneruskan operasinya sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Bahagian 12 Suratikatan.

Pengurus Dana ialah Maybank AM, sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Ia merupakan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal dengan pengurusan dana sebagai aktiviti terkawalnya di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Maybank AM adalah syarikat milik penuh kepada Maybank Asset Management Group Berhad (dahulunya dikenali sebagai Aseamlease Berhad), sebuah syarikat yang dikuasai secara 100% oleh Malayan Banking Berhad ("MBB").

Penyata kewangan ini dibenarkan untuk dikeluarkan oleh Lembaga Pengarah Pengurus selaras dengan resolusi para pengarah pada 13 Mei 2013.

2. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING

2.1 Asas penyediaan

Penyata kewangan Dana telah disediakan berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS") 134 : Laporan Kewangan Interim dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa; 34: Laporan Kewangan Interim.

2. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.1 Asas penyediaan (Samb.)

Dalam tempoh kewangan sebelum ini, penyata kewangan Dana disediakan berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan di Malaysia. Peralihan kepada MFRS tidak memberikan kesan yang ketara terhadap penyata kewangan Dana.

Penyata kewangan ini telah disediakan berasaskan kos sejarah kecuali sebagaimana yang dibentangkan dalam dasar perakaunan di bawah dan dikemukakan dalam Ringgit Malaysia ("RM").

2.2 Penggunaan MFRS untuk kali pertama

Pada tempoh sehingga, termasuk tahun kewangan berakhir 30 September 2012, Dana telah menyediakan penyata kewangannya berdasarkan Financial Reporting Standards di Malaysia ("FRS"). Bagi penyata kewangan interim ini, untuk tempoh kewangan berakhir 31 Mac 2013 adalah merupakan penyata kewangan interim pertama yang disediakan berdasarkan MFRS 134: Laporan Kewangan Interim; dan MFRS 1 - First Time Adoption of Malaysia Financial Reporting Standards telah diguna pakai. Dalam penyediaan penyata kewangan interim ini, baki permulaan bagi Penyata Posisi Kewangan adalah disediakan pada tarikh 1 Oktober 2011, yang juga merupakan tarikh peralihan kepada MFRS.

Polisi-Polisi perakaunan yang dibentangkan dalam Nota 2.4 telah pun diguna pakai di dalam penyediaan penyata kewangan Dana ini untuk tempoh kewangan yang berakhir pada 31 Mac 2013, maklumat-maklumat perbandingan dalam penyata kewangan ini untuk tahun kewangan yang berakhir pada 30 September 2012 dan untuk tempoh kewangan berakhir pada 31 Mac 2012 dan dalam penyediaan baki pembukaan untuk penyata kedudukan kewangan pada 1 Oktober 2011 (yang juga merupakan tarikh peralihan Dana).

Tiada kesan terhadap penyata kedudukan kewangan yang disediakan berdasarkan FRS pada 1 Oktober 2011 dan penyata-penyata kewangan yang disediakan berdasarkan kepada FRS yang sebelumnya diterbitkan pada tahun kewangan berakhir 30 September 2012.

2.3 Piawaian yang masih belum diguna pakai

Pada tarikh penyata kewangan ini diluluskan, Piawaian berikut, Perubahan-Perubahan dan terjemahan-terjemahan Issues Committee ("IC") telah dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") tetapi masih belum diguna pakai oleh Dana.

2. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.3 Piawaian yang masih belum diguna pakai (Samb.)

Efektif kepada tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2013

MFRS 10	*Consolidated Financial Statements*
MFRS 11	Joint Arrangements
MFRS 12	*Disclosure of Interests in Other Entities*
MFRS 13	*Fair Value Measurement*
MFRS 119	*Employee Benefits (revised)*
MFRS 127	*Consolidated and Separate Financial Statements (revised)*
MFRS 128	*Investments in Associates and Joint Ventures*
Amendments to MFRS 1	*First-time Adoption of MFRS - Government Loans*
Amendments to MFRS 1	*First-time Adoption of MFRS (Annual Improvements 2009 - 2011 Cycle)*
Amendments to MFRS 7	*Financial Instruments: Disclosures - Offsetting Financial Assets and Financial liabilities*
Amendments to MFRS 10	*Consolidated Financial Statements: Transition Guidance*
Amendments to MFRS 11	*Joint Arrangements: Transition Guidance*
Amendments to MFRS 12	*Disclosure of Interest in Other Entities: Transition Guidance*
Amendments to MFRS 101	*Presentation of Financial Statements (Annual Improvements 2009 - 2011 Cycle)*
Amendments to MFRS 116	*Property, Plant and Equipment (Annual Improvements 2009 - 2011 Cycle)*
Amendments to MFRS 132	*Financial Instruments: Presentation (Annual improvements 2009 - 2011 Cycle)*
Amendments to MFRS 134	*Interim Financial Reporting (Annual Improvements 2009 - 2011 Cycle)*

Efektif kepada tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2014

Amendments to MFRS 132	*Financial Instruments: Presentation - Offsetting* Financial Assets and Financial liabilities

Efektif kepada tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2015

MFRS 9	*Financial Instruments*
Amendments to MFRS 7	*Financial Instruments: Disclosures - Mandatory Date of MFRS 9 and Transition Disclosures*

Dana hanya akan mengguna pakai Piawaian di atas bila ianya menjadi efektif dalam tempoh kewangan yang berkenaan. Piawaian di atas adalah dijangkakan tidak memberikan kesan yang ketara terhadap penyata kewangan apabila diguna pakai kelak, kecuali seperti yang dinyatakan di bawah:

a) MFRS 9 - Financial Instruments

MFRS 9, semasa dikeluarkan, merupakan fasa pertama dalam rangka kerja IASB untuk menggantikan MFRS 139 Financial Instruments : Recognition and Measurement ("MFRS 139") dan ianya terpakai dalam pengkelasan dan pengiraan liabiliti-liabiliti kewangan dan liabiliti

2. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.3 Piawaian yang masih belum diguna pakai (Samb.)

(a) MFRS 9 - *Financial Instruments* (Samb.)

kewangan seperti yang didefinisikan oleh MFRS 139 bagi menggantikan garis panduan dalam MFRS 139.

Dalam fasa yang berikutnya, IASB akan menekankan perakuanan lindung nilai dan penurunan nilai aset-aset kewangan. Penggunaan fasa pertama MFRS 9 akan memberikan kesan ke atas pengkelaskan dan pengiraan aset kewangan Dana, tetapi tidak akan memberikan kesan terhadap pengkelasan dan pengiraan liabiliti-liabiliti kewangan. Dana juga akan membuat anggaran terhadap kesan yang akan dihadapi apabila kesemua piawaian muktamad dikeluarkan.

(b) MFRS 13 - *Fair Value Measurement*

MFRS 13 merupakan satu-satunya sumber rujukan untuk garis panduan dalam MFRS bagi penilaian nilai saksama. Tiada perubahan dalam MFRS 13 bila sesebuah entiti dikehendaki menggunakan nilai saksama selain menyediakan garis panduan dalam menilai nilai saksama menggunakan MFRS bila nilai saksama perlu diguna pakai. Dana kini sedang mengkaji kesan yang dari penggunaan piawaian ini terhadap kedudukan kewangan dan prestasinya. Walau bagaimana pun, berdasarkan analisis awal, tiada kesan material dijangkakan.

Selain dari yang dinyatakan di atas, Piawaian-Piawaian dan Perubahan-Perubahan lain yang telah dikeluarkan oleh MASB yang masih belum efektif adalah dijangkakan tidak akan memberi kesan yang ketara terhadap Dana.

2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting

(a) Aset kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan, apabila, dan hanya apabila, Dana menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan tersebut.

Apabila aset kewangan mula-mula diiktiraf, ia diukur pada nilai saksama, ditambah, dalam keadaan di mana aset kewangan bukan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, kos urus niaga yang boleh dikaitkan secara langsung.

Dana menentukan klasifikasi aset kewangannya pada pengiktirafan awal, dan kategori yang boleh dikenakan kepada dana ini hanyalah pinjaman dan penghutang.

2. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (Samb.)

(a) Aset kewangan (Samb.)

(i) Pinjaman dan penghutang

Aset kewangan yang mempunyai pembayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif diklasifikasikan sebagai pinjaman dan penghutang. Dana termasuk deposit dengan institusi kewangan, aset pajakan dan keuntungan belum terima dalam klasifikasi ini.

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan penhutang diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah kadar keuntungan efektif. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung dan rugi apabila pinjaman dan penghutang berkenaan tidak lagi diiktiraf atau rosot nilai, dan melalui proses pelunasan.

Aset kewangan tidak lagi diiktiraf apabila aset tersebut dilupuskan dan hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset tersebut telah tamat tempoh. Apabila keseluruhan aset kewangan itu tidak lagi diiktiraf, perbezaan antara amaun dibawa dan jumlah pertimbangan yang diterima serta sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif yang telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain diiktiraf dalam untung dan rugi.

Belian atau jualan cara biasa adalah belian atau jualan aset kewangan yang memerlukan penghantaran aset dalam tempoh yang biasanya ditetapkan oleh peraturan atau kelaziman dalam pasaran yang berkenaan. Semua belian dan jualan cara biasa aset kewangan diiktiraf atau tidak lagi diiktiraf pada tarikh perdagangan, iaitu, tarikh yang diuntukkan oleh Dana untuk membeli atau menjual aset tersebut.

(b) Kerosotan aset kewangan

Dana membuat penilaian pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa sesebuah aset kewangan itu telah mengalami kerosotan.

(i) Pinjaman dan penghutang

Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif bahawa kerugian rosotan nilai pada aset kewangan telah ditanggung, Dana mempertimbangkan faktor seperti kebarangkalian ketaksolvenan atau kesukaran kewangan penghutang yang signifikan dan kemungkiran membayar atau kelewatan yang signifikan dalam pembayaran.

2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (Samb.)

(b) Kerosotan aset kewangan (Samb.)

(i) Pinjaman dan penghutang (Samb.)

Jika terdapat sebarang bukti sedemikian, amaun kerugian rosotan nilai diukur sebagai perbezaan antara amaun dibawa aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa depan terdiskaun pada kadar keuntungan efektif asal aset kewangan tersebut. Kerugian rosotan nilai ini diiktiraf dalam untung atau rugi.

Amaun dibawa aset kewangan tersebut dikurangkan oleh kerugian rosotan nilai secara langsung bagi semua aset kewangan kecuali aset pajakan, di mana amaun dibawa dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan. Apabila aset pajakan menjadi tidak boleh dikutip, ia dihapus kira terhadap akaun peruntukan.

Jika dalam tempoh berikutnya, amaun kerugian rosot nilai berkurangan dan penurunan itu boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas rosotan nilai itu diiktiraf, kerugian rosotan nilai yang telah diiktiraf sebelumnya dibalikkan setakat mana amaun dibawa aset tersebut tidak melebihi kos terlunasnya pada tarikh kebalikan. Amaun kebalikan ini diiktiraf dalam untung atau rugi.

(c) Klasifikasi keuntungan dan kerugian direalisasi dan belum direalisasi

Keuntungan dan kerugian tidak direalisasi merangkumi perubahan dalam nilai saksama instrumen kewangan bagi tempoh tersebut dan dari kebalikan keuntungan dan kerugian belum direalisasi tempoh sebelumnya bagi instrumen kewangan yang direalisasikan (iaitu dijual, ditebus atau telah matang) dalam tempoh pelaporan.

(d) Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan dikelaskan mengikut kandungan pengaturan kontraktual yang ditandatangani dan takrif liabiliti kewangan.

Liabiliti kewangan, dalam skop MFRS 139, diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Dana menjadi pihak berkontrak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan tersebut. Liabiliti kewangan dikelaskan sebagai lain-lain liabiliti kewangan.

Liabiliti kewangan Dana yang termasuk pemiutang perdagangan dan pemiutang lain mula-mula diiktiraf pada nilai saksama ditambah kos urus niaga yang boleh dikaitkan secara langsung dan kemudiannya diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif.

2. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (Samb.)

(d) Liabiliti kewangan (Samb.)

Liabiliti kewangan tidak lagi diiktiraf apabila obligasi di bawah liabiliti tersebut dilunaskan. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila liabiliti tersebut tidak lagi diiktiraf, dan melalui proses pelunasan.

(e) Mata wang fungsian dan pembentangan

Penyata kewangan Dana diukur menggunakan mata wang persekitaran ekonomi primer di mana Dana tersebut beroperasi ("mata wang fungsian"). Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang juga merupakan mata wang fungsian Dana.

(f) Modal Pemegang Unit

Sumbangan Pemegang Unit kepada Dana memenuhi takrif instrumen boleh jual yang dikelaskan sebagai instrumen ekuiti di bawah FRS 132 disemak.

Penyamaan agihan mewakili purata amaun boleh agih termasuk dalam pewujudan dan pembatalan harga unit. Amaun ini akan dipulangkan semula kepada Pemegang Unit melalui agihan dan/atau dilaraskan sewajarnya apabila unit dibatalkan.

(g) Agihan dividen

Pengagihan dividen adalah atas budi bicara Dana. Agihan dividen kepada Pemegang Unit Dana dikira sebagai potongan daripada rizab direalisasi melainkan di mana dividen didapatkan daripada penyamaan agihan yang dikira sebagai potongan daripada modal Pemegang Unit. Cadangan dividen diiktiraf sebagai liabiliti dalam tempoh di mana ia diluluskan.

(h) Pendapatan

Pendapatan diiktiraf setakat mana terdapat kemungkinan yang manfaat ekonomi akan mengalir kepada Dana dan pendapatan boleh diukur dengan pasti. Pendapatan diukur pada nilai saksama balasan yang diterima atau akan diterima. Pendapatan daripada deposit diiktiraf menggunakan kaedah kadar keuntungan efektif.

(i) Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai merangkumi tunai di bank dan deposit dengan

2. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (Samb.)

(i) Tunai dan setara tunai (Samb.)

institusi kewangan yang mempunyai risiko perubahan nilai yang tidak signifikan.

(j) Cukai pendapatan

Aset dan liabiliti cukai semasa diukur pada amaun yang dijangka boleh didapatkan semula daripada atau dibayar kepada pihak berkuasa cukai. Kadar cukai dan undang-undang cukai yang digunakan untuk mengira amaun tersebut adalah kadar dan undang-undang yang digubal atau digubal secara substantif menjelang tarikh pelaporan.

Cukai semasa diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali setakat mana cukai tersebut berkaitan dengan item yang diiktiraf di luar untung atau rugi, sama ada dalam pendapatan komprehensif lain atau dalam ekuiti secara langsung.

Tiada cukai tertunda diiktiraf memandangkan tidak terdapat perbezaan sementara yang material.

(k) Zakat

Dana telah mengenal pasti akan keperluan membayar zakat setelah taksiran bagi tahun semasa dibuat. Keperluan membayar zakat timbul apabila Dana telah beroperasi bagi tempoh melebihi 12 bulan, iaitu satu tempoh yang dikenali sebagai "haul".

Kadar zakat perniagaan telah ditetapkan pada 2.5% daripada asas zakat oleh Majlis Fatwa Kebangsaan. Asas zakat pula dikenalpasti melalui lebihan aset semasa terhadap liabiliti semasa dan sesetengah aset dan liabiliti bukan operasi, terhad kepada kadar 2.5% daripada pendapatan agregat. Zakat terhadap Dana dikira dengan mendarab kadar zakat dengan asas zakat, yang mana telah dikategorikan sebagai perbelanjaan zakat bagi tahun semasa.

(l) Pelaporan segmen

Bagi tujuan pengurusan, Dana diuruskan melalui dua portfolio utama, iaitu (1) aset pajakan dan (2) instrumen tunai. Setiap segmen terlibat dalam aktiviti perniagaan yang berasingan dan hasil kendalian sering disemak oleh Pengurus dan Jawatankuasa Pelaburan Pengurus. Jawatankuasa Pelaburan Pengurus berperanan sebagai ketua operasi yang membuat keputusan, bagi tujuan penilaian prestasi dan untuk membuat keputusan tentang sumber yang diperuntukkan kepada setiap segmen pelaburan.

2. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (Samb.)

(m) Anggaran dan pertimbangan perakaunan penting

Penyediaan penyata kewangan adalah selaras dengan FRS dengan penggunaan anggaran perakaunan tertentu dan pertimbangan. Anggaran dan pertimbangan dinilai secara berterusan dan berdasarkan pengalaman lampau, jangkaan peristiwa masa depan yang munasabah dan faktor lain.

Para Pengarah berpendapat bahawa tiada andaian utama berhubung masa depan mahupun sumber ketidakpastian anggaran utama lain pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko signifikan untuk menyebabkan pelarasan material kepada amaun dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan berikutnya, melainkan seperti di bawah:

(i) Kadar keuntungan efektif pinjaman dan penghutang

Apabila pinjaman dan penghutang mula-mula diiktiraf, ia diukur pada nilai saksama, ditambah kos urus niaga yang boleh dikaitkan secara langsung. Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan penghutang diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah kadar keuntungan efektif. Kaedah kadar keuntungan efektif adalah kaedah pengiraan kos terlunas aset kewangan atau liabiliti kewangan dan penguntukan pendapatan daripada deposit atau belanja keuntungan sepanjang tempoh berkenaan. Kadar keuntungan efektif adalah kadar yang mendiskaun anggaran bayaran atau penerimaan tunai masa depan dengan tepat melalui jangka hayat instrumen kewangan tersebut, atau apabila sesuai, tempoh yang lebih pendek kepada amaun dibawa bersih aset kewangan atau liabiliti kewangan itu.

Apabila mengira kadar keuntungan efektif, Pengurus mengambil kira kesemua terma kontrak instrumen kewangan tersebut dan memasukkan sebarang yuran atau kos sampingan yang boleh dikaitkan secara langsung kepada instrumen tersebut dan merupakan bahagian penting kadar keuntungan efektif itu, tetapi tidak kerugian kredit masa depan, serta kadar keuntungan setanding instrumen serupa di pasaran.

3. YURAN PENGURUS

Yuran Pengurus dikira secara harian pada 1.00% setahun daripada Nilai Aset Bersih ("NAB") Dana sebelum menolak yuran Pengurus dan yuran Pemegang Amanah untuk hari tersebut.

2. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

4. YURAN PEMEGANG AMANAH

Yuran Pemegang Amanah dikira secara harian pada kadar 0.05% setahun daripada NAB Dana sebelum menolak yuran Pengurus dan yuran Pemegang Amanah untuk hari tersebut tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM500,000 setahun.

5. PERBELANJAAN CUKAI PENDAPATAN

Dana telah diberikan status pengecualian cukai ke atas semua pendapatan yang diperolehi dalam tempoh 10 tahun bermula pada tahun taksiran 2010 hingga 2019 berikutan kebenaran yang telah diberikan oleh kementerian kewangan di bawah seksyen 127(3A) akta Cukai Pendapatan 1967.

6. ASET DISOKONG HARTANAH

Aset disokong Hartanah adalah berkaitan dengan akaun penerima ke atas perjanjian jualan dan pajakan semula yang dimeterai antara Dana yang diwakili oleh pihak Pemegang Amanah dengan PHB, bagi aset-aset berikut:

	31.03.2013	30.09.2012
	RM	RM
Menara Prisma	260,000,000	260,000,000
CP Tower	175,000,000	175,000,000
Logistic Warehouse	95,000,000	95,000,000
Tesco Setia Alam	95,000,000	95,000,000
Wisma Consplant	175,000,000	175,000,000
Peremba Square Properties	149,000,000	-
DEMC Specialist Hospital	87,000,000	-
	1,036,000,000	800,000,000

7. DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN

Penempatan deposit jangka pendek adalah dikategorikan seperti berikut;

	31.03.2013	30.09.2012
	RM	RM
Bank berlesen	306,288,692	199,966,599
Bank pembangunan berlesen	-	33,303,000
	306,288,692	233,269,599

7. DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN (SAMB.)

Purata wajaran kadar faedah efektif ("WAEPR") setahun dan purata kematangan deposit dengan institusi kewangan pada tarikh penyata kedudukan kewangan adalah seperti berikut:

	31.03.2013		30.09.2012	
	WAEPR % p.a.	Purata Kematangan Hari	WAEPR % p.a.	Purata Kematangan Hari
Deposit tetap dengan bank berlesen	3.17	40	3.19	28
Deposit tetap dengan bank pembangunan berlesen	-	-	3.90	365

8. JUMLAH EKUITI

	Nota	31.03.2013 RM	30.09.2012 RM
Modal pemegang unit	(a)	1,300,000,000	1,000,000,000
Pendapatan belum diagihkan		3,451,105	676,746
		1,303,451,105	1,000,676,746

(a) Modal pemegang unit

	31.03.2013		30.09.2012	
	Bilangan Unit	RM	Bilangan Unit	RM
Pada permulaan tempoh	1,000,000,000	1,000,000,000	1,000,000,000	1,000,000,000
Pewujudan unit	959,712,333	959,712,333	216,116,750	216,116,750
Pembatalan unit	(659,712,333)	(659,712,333)	(216,116,750)	(216,116,750)
Pada akhir tempoh	1,300,000,000	1,300,000,000	1,000,000,000	1,000,000,000

Dana mempunyai saiz dana gabungan diluluskan sebanyak 1.5 bilion unit (30 September 2012: 1 bilion). Pada 31 Mac 2013, hanya bilangan 1.3 bilion unit telah diterbitkan.

9. PENGAGIHAN

Pengagihan kepada Pemegang Unit yang diisytiharkan adalah daripada sumber berikut:

01.10.2012 hingga 31.03.2013	RM
Pendapatan keuntungan	44,463,519
Tolak: Perbelanjaan	(7,219,592)
Agihan daripada pendapatan ternyata	37,243,927

9. PENGAGIHAN (SAMB.)

01.10.2011 hingga 31.03.2012	RM
Pendapatan keuntungan	37,717,208
Tolak: Perbelanjaan	(6,040,792)
Agihan daripada pendapatan ternyata	31,676,416

Pengagihan kasar dan bersih telah diisytiharkan pada tarikh-tarikh berikut;

Tarikh pengagihan	Agihan kasar seunit (sen)	Agihan bersih seunit (sen)
1.10.2012 hingga 31.03.2013		
31.03.2013	3.25	3.25
1.10.2011 hingga 31.03.2012		
31.03.2012	3.25	3.25

10. URUS NIAGA DENGAN PIHAK BERKAITAN DAN INSTITUSI KEWANGAN LAIN

Butiran urus niaga dengan pihak berkaitan dan institusi kewangan lain bagi tempoh kewangan dari 1 Oktober 2012 hingga 31 Mac 2013 adalah seperti berikut:

	01.10.2012 hingga 31.03.2013		01.10.2011 hingga 31.03.2012	
	Nilai Urus Niaga	Peratusan Jumlah Urus Niaga	Nilai Urus Niaga	Peratusan Jumlah Urus Niaga
	RM	%	RM	%
Nama				
AM Islamic Bank Berhad	359,782,266	12.49	-	-
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	33,303,000	1.16	176,717,890`	10.39
CIMB Islamic Bank Berhad	633,183,523	21.98	269,587,052	15.85
Hong Leong Islamic Bank Berhad	1,212,541,956	42.09	809,257,955	47.58
Maybank Islamic Berhad *	192,246,000	6.67	261,269,000	15.36
Public Islamic Bank Berhad	449,772,026	15.61	184,071,675	10.82
	2,880,828,771	100.00	1,700,903,572	100.00

* Maybank Islamic Berhad ialah anak syarikat MBB, syarikat induk mutlak Pengurus.

10. URUS NIAGA DENGAN PIHAK BERKAITAN DAN INSTITUSI KEWANGAN LAIN (SAMB.)

Para Pengarah Pengurus berpendapat bahawa urus niaga dengan pihak berkaitan telah dilaksanakan menurut kelaziman perniagaan dan telah dijalinkan atas terma dan syarat yang tidak berbeza secara material daripada yang boleh didapati dalam urus niaga dengan pihak tidak berkaitan. Urus niaga dengan pihak berkaitan ini telah dilaksanakan atas asas urus niaga tulus.

11. NISBAH BELANJA PENGURUSAN ("MER")

MER Dana adalah nisbah jumlah yuran dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Dana kepada purata NAB Dana yang dikira secara harian. Yuran dan perbelanjaan termasuk yuran Pengurus, yuran Pemegang Amanah, imbuhan juruaudit, yuran ejen cukai dan perbelanjaan pentadbiran lain. Bagi tempoh kewangan dari 1 Oktober 2012 hingga 31 Mac 2013, MER Dana berada pada 0.56% (1 Oktober 2011 to 31 Mac 2012 : 0.53%)

12. NISBAH PUSING GANTI PORTFOLIO ("PTR")

Memandangkan dana ini dilaburkan dalam pemilikan benefisial aset pajakan, PTR tidak boleh diguna pakai ke atas Dana.

13. MAKLUMAT SEGMEN

Pengurus bertanggungjawab memperuntukkan sumber sedia ada kepada Dana selaras dengan strategi pelaburan keseluruhan sebagaimana yang dibentangkan dalam Garis Panduan Pelaburan Dana. Dana ini diuruskan oleh dua segmen:

- Portfolio aset pajakan
- Portfolio deposit dengan institusi kewangan

Objektif pelaburan setiap segmen adalah untuk mencapai pulangan konsisten daripada aset/pelaburan dalam setiap segmen sambil melindungi modal dengan melabur dalam portfolio pelbagai. Tiada perubahan dalam segmen boleh lapor sejak tarikh pelancaran Dana. Maklumat segmen yang diberikan dikemukakan kepada Pengurus.

13. MAKLUMAT SEGMEN (SAMB.)

1.10.2012 - 31.03.2013	Portfolio Aset pajakan RM	Portfolio deposit dengan institusi kewangan RM	Jumlah RM
Pendapatan daripada deposit	-	3,923,771	3,923,771
Keuntungan atas aset pajakan	43,930,690	-	43,930,690
Jumlah pendapatan kendalian segmen bagi tempoh	43,930,690	3,923,771	47,854,461
1.03.2013			
Aset Pajakan	1,036,000,000	-	1,036,000,000
Deposit dengan institusi kewangan	-	306,288,692	306,288,692
Aset lain	-	619,851	619,851
Jumlah aset segmen	1,036,000,000	306,908,543	1,342,908,543
1.10.2011 - 31.03.2012			
Pendapatan daripada deposit	-	3,692,262	3,692,262
Keuntungan atas aset pajakan	34,514,000	-	34,514,000
Jumlah pendapatan kendalian segmen bagi tempoh	34,514,000	3,692,262	38,206,262
30.09.2012			
Aset Pajakan	800,000,000	-	800,000,000
Deposit dengan institusi kewangan	-	233,269,599	233,269,599
Aset lain	-	1,814,484	1,814,484
Jumlah aset segmen	800,000,000	235,084,083	1,035,084,083

Perbelanjaan Dana tidak dianggap sebagai sebahagian daripada prestasi mana-mana segmen kendalian.

Di samping itu, liabiliti dana tidak dianggap sebagai sebahagian daripada aset bersih sesebuah segmen individu.

14. INSTRUMEN KEWANGAN

(a) Klasifikasi instrumen kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan Dana diukur atas asas berterusan sama ada pada nilai saksama atau pada kos terlunas berdasarkan klasifikasi masing-masing. Dasar perakaunan penting dalam Nota 2.4 menerangkan bagaimana kelas instrumen kewangan diukur, dan bagaimana pendapatan dan perbelanjaan, termasuk keuntungan dan kerugian nilai saksama, diiktiraf. Jadual berikut menganalisis aset dan liabiliti kewangan Dana dalam penyata kedudukan kewangan pada 31 Mac 2013 mengikut kelas instrumen kewangan di mana ia ditetapkan, dan dengan itu melalui asas ukuran.

31.03.2013	Pinjaman dan penghutang RM	Liabiliti kewangan pada kos terlunas RM	Jumlah RM
Aset			
Aset disokong Hartanah	1,036,000,000	-	1,036,000,000
Deposit dengan institusi kewangan	306,288,692	-	306,288,692
Keuntungan belum terima	616,144	-	616,144
Tunai di bank	3,707	-	3,707
Jumlah aset kewangan	1,342,908,543	-	1,342,908,543
Liabiliti			
Perlu dibayar kepada Pengurus	-	1,123,902	1,123,902
Perlu dibayar kepada Pemegang Amanah	-	56,195	56,195
Dividen perlu dibayar	-	37,243,927	37,243,927
Pelbagai pemiutang	-	1,033,414	1,033,414
Jumlah liabiliti kewangan	-	39,457,438	39,457,438

14. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMB.)

(a) Klasifikasi instrumen kewangan (Samb.)

30.09.2012

Aset

Aset disokong Hartanah	800,000,000	-	800,000,000
Deposit dengan institusi kewangan	233,269,599	-	233,269,599
Keuntungan belum terima	1,805,123	-	1,805,123
Tunai di bank	9,361	-	9,361
Jumlah aset kewangan	1,035,084,083	-	1,035,084,083

Liabiliti

Perlu dibayar kepada Pengurus	-	834,762	834,762
Perlu dibayar kepada Pemegang Amanah	-	36,550	36,550
Dividen perlu dibayar	-	31,891,979	31,891,979
Pelbagai pemiutang	-	1,644,046	1,644,046
Jumlah liabiliti kewangan	-	34,407,337	34,407,337

(b) Instrumen kewangan yang tidak dibawa pada nilai saksama dan di mana amaun dibawanya merupakan anggaran munasabah bagi nilai saksama

Instrument kewangan Dana tidak dikira pada nilai saksama, tetapi nilai yang ditunjukan adalah merupakan anggaran munasabah kepada nilai saksama disebabkan oleh kadar kematangan yang pendek.

Tiada instrumen kewangan yang tidak dibawa pada nilai saksama dan di mana amaun dibawanya adalah bukan merupakan anggaran munasabah bagi nilai saksama masing-masing. Kaedah-kaedah dan asas-asas yang digunakan untuk menentukan nilai saksama untuk instrumen kewangan Dana pada tahun semasa adalah selari dengan kaedah-kaedah dan asas-asas yang digunakan pada tahun sebelumnya.

15. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

a) Pengenalan

Tujuan Dana dalam menguruskan risiko adalah bertujuan untuk melindungi para pelabur. Sebagaimana diketahui, aktiviti Dana adalah terdedah kepada risiko. Walaubagaimanapun pengurus Dana selalu berusaha untuk mengenal pasti, mengukur dan memantau risiko-risiko tersebut. Pengendalian risiko kewangan ini di buat melalui pelaksanaan kawalan dalaman yang munasabah dan pematuhan terhadap had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada Pengurus dan Pemegang Amanah mengikut Suratikatan, lain-lain peruntukan Suratikatan, Garis panduan Tabung Unit Amanah yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

(b) Risiko pasaran

Risiko pasaran adalah risiko bahawa nilai saksama atau aliran tunai masa depan instrumen kewangan akan naik turun akibat perubahan dalam pemboleh ubah pasaran seperti kadar faedah, kadar tukaran asing dan harga ekuiti. Namun, Dana tidak terdedah kepada risiko harga ekuiti atau risiko mata wang memandangkan ia tidak memegang sebarang ekuiti atau pelaburan dalam denominasi mata wang selain daripada Ringgit Malaysia. Risiko maksimum yang terhasil daripada instrumen kewangan bersamaan dengan nilai saksamanya.

Tunai dan sekuriti pendapatan tetap lain sangat peka kepada pergerakan kadar keuntungan. Apabila kadar keuntungan meningkat, pulangan atas tunai akan naik lalu menjejaskan NAB Dana.

Deposit Dana dengan institusi kewangan mempunyai kadar pulangan yang tetap dan mempunyai kadar purata kematangan 40 hari (30.09.2012 : 76 hari)

(c) Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko yang rakan niaga kepada instrumen kewangan akan menyebabkan kerugian kewangan kepada Dana melalui kegagalan melaksanakan obligasi. Dana terdedah kepada risiko kerugian berkaitan kredit yang boleh berlaku hasil kegagalan atau keengganan rakan niaga atau penerbit memenuhi obligasi kontraktualnya dalam membuat pembayaran faedah, pokok dan perolehan daripada realisasi pelaburan tepat pada waktunya. Pendedahan kredit ini wujud dalam hubungan kewangan, derivatif dan urus niaga lain.

15. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

(c) Risiko kredit (Samb.)

Pengurus mengendalikan risiko kredit dana dengan menjalankan penilaian kredit dan pemantauan teliti ke atas sebarang perubahan kepada profil kredit penerbit/rakan niaga untuk meminimumkan risiko sedemikian. Adalah menjadi dasar Dana untuk memeterai instrumen kewangan dengan rakan niaga bereputasi baik. Pengurus juga memantau dengan teliti kepercayaan kredit rakan niaga Dana (contohnya broker, kustodian, bank, dan sebagainya) dengan menyemak penarafan kredit dan profil kredit mereka secara tetap.

(i) Pendedahan risiko kredit

Pada tarikh laporan dibuat, pendedahan maksimum Dana kepada risiko kredit diwakili oleh amaun dibawa setiap kelas aset kewangan yang diiktiraf dalam penyata posisi kewangan. Tiada satu pun aset kewangan Dana telah lampau tempoh atau terosot nilai pada tarikh laporan dibuat.

(ii) Kualiti kredit aset kewangan

Dana ini hanya membuat penempatan dengan institusi kewangan yang mempunyai penarafan yang kukuh.

(iii) Konsentrasi risiko kredit

Jadual berikut membuat analisis tentang deposit Dana dengan institusi kewangan dan keuntungan belum diterima mengikut kategori penarafan.

	Pada 31.03.2013		Pada 30.09.2012	
Deposit dengan institusi kewangan dan kenuntungan belum diterima	**Jumlah NAB**	**Peratusan**	**Jumlah NAB**	**Peratusan**
	RM	**%**	**RM**	**%**
AAA	223,837,493	17.17%	59,801,943	5.98%
AA1	22,066,325	1.69%	28,766,763	2.87%
AA2	-	0.00%	33,303,000	3.33%
AA3	61,001,018	4.68%	111,397,893	11.13%
	306,904,836	23.49%	233,269,599	23.31%

15. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

(d) Risiko mudah tunai

Risiko mudah tunai ditakrifkan sebagai risiko di mana Dana akan mengalami kesukaran dalam memenuhi obligasi yang dikaitkan dengan liabiliti kewangan yang dilangsaikan dengan memberi tunai atau aset kewangan lain. Pendedahan kepada risiko mudah tunai timbul disebabkan oleh kemungkinan yang Dana mungkin perlu membayar liabilitinya atau menebus unit lebih awal daripada yang dijangkakan.

Adalah menjadi dasar Dana agar Pengurus memantau kedudukan mudah tunai Dana secara harian. Dana juga menguruskan obligasinya untuk menebus unit apabila perlu berbuat demikian.

Dasar Pengurus adalah untuk sentiasa mengekalkan tahap aset cair yang cermat dan mencukupi supaya dapat memenuhi keperluan kendalian biasa dan jangkaan permintaan penebusan oleh pemegang unit. Aset cair merangkumi tunai, deposit dengan institusi kewangan dan instrumen lain yang mampu ditukar menjadi tunai.

Jadual di bawah memberikan ringkasan tentang profil kematangan unit Dana dalam terbitan (dikelaskan sebagai instrumen ekuiti) dan liabiliti kewangan. Baki yang perlu dibayar dalam masa enam bulan sama dengan amaun dibawanya, memandangkan kesan pendiskaunan adalah kecil. Jadual ini juga menganalisis profil kematangan aset kewangan Dana (tidak didiskaun di mana berkenaan) dan ekuiti untuk memberi gambaran menyeluruh komitmen kontraktual dan mudah tunai Dana.

15. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

(d) Risiko mudah tunai (Samb.)

31.03.2013	Kurang dari 1 bulan RM	1 bulan - 1 tahun RM	Lebih dari 1 tahun RM	Jumlah RM
Aset kewangan				
Aset disokong Hartanah	-	-	1,036,000,000	1,036,000,000
Deposit dengan institusi kewangan	166,610,470	139,678,222	-	306,288,692
Aset lain	619,851	-	-	619,851
Jumlah aset kewangan tidak terdiskaun	167,230,321	139,678,222	1,036,000,000	1,342,908,543
Liabiliti kewangan				
Liabiliti lain	39,457,438	-	-	39,457,438
Jumlah liabiliti kewangan tidak terdiskaun	39,457,438	-	-	39,457,438
Modal pemegang unit	1,303,451,105	-	-	1,303,451,105
Jurang perbezaan mudah tunai	(1,175,678,222)	139,678,222	1,036,000,000	-
30.09.2012				
Aset kewangan				
Aset disokong Hartanah	-	-	800,000,000	800,000,000
Deposit dengan institusi kewangan	68,282,987	164,986,612	-	233,269,599
Aset lain	1,814,484	-	-	1,814,484
Jumlah aset kewangan tidak terdiskaun	70,097,471	164,986,612	800,000,000	1,035,084,083
Liabiliti kewangan				
Liabiliti lain	34,407,337	-	-	34,407,337
Jumlah liabiliti kewangan tidak terdiskaun	34,407,337	-	-	34,407,337
Modal pemegang unit	1,000,676,746	-	-	1,000,676,746
Jurang perbezaan mudah tunai	(964,986,612)	164,986,612	800,000,000	-

15. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

(d) Risiko mudah tunai (Samb.)

Nota:

(i) Aset kewangan

Pengumpulan kematangan adalah berdasarkan tempoh yang tinggal dari akhir tempoh pelaporan hingga tarikh matang kontraktual atau jika lebih awal, tarikh jangkaan bila aset itu akan direalisasikan.

(ii) Liabiliti kewangan

Pengumpulan kematangan adalah berdasarkan tempoh yang tinggal dari akhir tempoh pelaporan hingga tarikh matang kontraktual. Apabila rakan niaga mempunyai pilihan tentang bila amaun tersebut dibayar, liabiliti akan diperuntukkan kepada tempoh paling awal di mana Dana tersebut mungkin perlu membayar.

(iii) Modal Pemegang Unit

Oleh sebab Pemegang Unit boleh membuat permintaan bagi penebusan unit mereka pada hari yang sama, ia telah dikategorikan sebagai mempunyai kematangan “kurang dari 1 bulan". Hasilnya, jelaslah Dana tersebut mempunyai jurang perbezaan mudah tunai dalam ”kurang dari 1 bulan”.

Namun Dana tidak terdedah kepada risiko mudah tunai yang timbul akibat penebusan unit memandangkan unit yang dibeli semula oleh Pengurus akan dijual dengan segera kepada Penaja, iaitu PHB.

16. PENGURUSAN MODAL

Saiz dana dan unit dalam terbitan Dana yang diluluskan pada akhir tempoh dibentangkan dalam Nota 8.
Objektif Dana dalam

menguruskan modal adalah:

(a) Untuk melabur dalam pelaburan yang memenuhi jenis, pendedahan risiko dan pulangan dijangka yang dinyatakan dalam prospektusnya;

16. PENGURUSAN MODAL (SAMB.)

(b) Untuk mencapai pulangan konsisten sambil melindungi modal dengan menggunakan pelbagai strategi pelaburan; dan

(c) Untuk mengekalkan mudah tunai yang mencukupi bagi memenuhi perbelanjaan Dana.

Tiada perubahan dibuat terhadap objektif pengurusan modal, polisi atau proses di dalam tempoh kewangan semasa.

HALAMAN INI SENGAJA DITINGGALKAN KOSONG

PENAJA

Pelaburan Hartanah Berhad
(732816-U)

Aras 9, Block D, Peremba Square, Saujana Resort, Section U2,
40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-7711 3000 Fax: 03-7711 3031 Website: www.phb.com.my

PENGURUS

Maybank Asset Management Sdn. Bhd. (421779-M)
(Formerly known as Mayban Investment Management Sdn. Bhd.)

Level 12, Tower C, Dataran Maybank,
No.1 Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2297 7888 Fax: 03-2297 7998 Website: www.maybank-am.com

PENGEDAR

Malayan Banking Berhad
(3813-K)

14th Floor, Menara Maybank, 100, Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2070 8833 Website: www.maybank2u.com.my

PEMEGANG AMANAH

AmanahRaya Trustees Berhad
(766894-T)

Tingkat 11, Wisma AmanahRaya,
No.2, Jalan Ampang, 50508 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2055 7388 Website: www.amanahraya.com.my